

07/09/2003

Alasan Cuepacs mahu bonus dua bulan

Ismail Mat

BAJET 2004 akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan pada 12 September ini. Seperti biasa, kakitangan kerajaan menaruh harapan akan mendapat imbuhan dan bonus yang lebih baik pada pembentangan itu nanti.

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT, mendapatkan pandangan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, mengenai perkara itu.

APA yang diharapkan Cuepacs dan kakitangan kerajaan daripada Bajet 2004 yang akan dibentangkan 12 September ini?

Kami mengharapkan tiada kenaikan harga barang. Selain itu, kami mahu melihat ekonomi negara terus berkembang maju kerana ia membolehkan kerajaan memberi bonus dan kenaikan gaji. Harapan kami bonus dua bulan dan kenaikan gaji golongan berpendapatan rendah terutama kumpulan sokongan.

Mengikut Sistem Saraan Malaysia (SSM), mereka hanya mendapat kenaikan minimum RM15 tetapi kita merayu supaya ia dinaikkan kepada RM45. Itulah harapan mereka. Namun, kita kena lebih realistik dan tidak boleh mengharapkan kenaikan gaji setiap kali bajet.

Kita tidak mahu harga barang naik dan mengharapkan rumah lebih banyak dibina untuk kakitangan kerajaan kerana ketika ini kakitangan kerajaan di bandar besar masih menghadapi kadar sewa rumah yang tinggi.

Masalah seperti itu memerlukan bantuan. Walaupun hanya mendapat sebulan bonus, kita tetap bersyukur tetapi berharap dalam bajet itu ada usaha kerajaan memberi faedah secara tidak langsung kepada kakitangan kerajaan seperti pinjaman perumahan, kereta, komputer, pendidikan serta buku teks percuma untuk semua anak kakitangan kerajaan.

Harapan kita, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha membantu kakitangan berpendapatan rendah terutama bawah RM1,000 serta pesara yang menerima pencen bawah RM500.

Apa kewajaran kerajaan memberi dua bulan bonus serta kenaikan gaji minimum RM45 kepada kakitangan kerajaan dalam situasi ekonomi negara masa kini?

Kita telah lihat, bayaran setengah bulan bonus sebelum ini membantu rakyat berbelanja. Dulu ada konsep kawal kenaikan gaji dan tidak memberi bonus dengan alasan ekonomi teruk.

Keadaan itu menyebabkan rakyat tidak mahu berbelanja sebab mereka tidak ada duit. Namun, dengan memberi bonus dan kenaikan gaji, ia mendorong rakyat terus berbelanja.

Ia bukan setakat membantu kakitangan kerajaan tetapi sebenarnya merangsang ekonomi negara kerana perbelanjaan yang dibuat daripada wang tambahan itu akan membantu menggerakkan pusingan ekonomi negara.

Peniaga mendapat untung, industri dan ekonomi berkembang. Konsep ini sudah terbukti berkesan di negara ini.

Soalnya, mampukah kerajaan untuk beri bonus yang diharapkan itu?

Tanda-tanda pemulihan ekonomi negara sudah ketara tetapi keupayaan membayar bonus yang diharapkan itu hanya dalam pengetahuan kerajaan saja.

Apapun, Cuepacs mengutamakan kepentingan negara dan memahami keperluan melihat kedudukan kewangan negara sebelum kerajaan memutuskan sebarang jumlah bonus untuk kakitangan.

Namun, kita yakin kerajaan tidak akan menghampakan kakitangan dengan bayaran bonus berdasarkan kekuatan ekonomi dan keupayaan kewangan semasa. Saya sendiri yakin kerajaan akan beri bonus dalam Bajet 2004.

Paling kurang setengah bulan tetapi kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu meninggalkan kenangan lebih manis kepada kakitangan kerajaan, mungkin dapat lebih.

Adakah Cuepacs menyerah sebarang memorandum kepada kerajaan berhubung tuntutan menerusi Bajet 2004?

Ya! kita sudah serahkan memorandum. Kandungannya meminta bonus dua bulan, kenaikan gaji minimum untuk kumpulan sokongan daripada minimum RM15 kepada RM45.

Selain itu, kita minta kakitangan kerajaan yang diarah tinggal di kuarters kerajaan yang selama ini mereka hilang imbuhan perumahan tetap diberikan semula imbuhan itu pada kadar 50 peratus dalam Bajet 2004.

Ini kerana pegawai tinggi yang diarah tinggal di kuarters masih menikmati 50 peratus daripada elaun tetap rumah. Kita berpendapat golongan kakitangan sokongan wajar mendapat kemudahan sama.

Apakah dengan pemberian bonus yang tinggi dapat memulihkan sokongan kakitangan kerajaan kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang?

Saya telah lihat dalam tempoh sejak dua tahun lalu, kakitangan kerajaan banyak bersikap positif tetapi bukan kerana wang. Saya tidak percaya kepada konsep 'awak beri wang, saya sokong' tetapi saya dapati banyak rancangan kerajaan telah membantu kakitangan secara langsung atau tidak.

Contohnya, pengurangan cukai pendapatan yang menyebabkan hampir 50 peratus kakitangan kerajaan dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan.

Kita juga mahu kerajaan negeri turut bantu sediakan bantuan subsidi pinjaman perumahan, kereta dan komputer. Sebenarnya, banyak yang telah diberi kepada kakitangan kerajaan. Tidak ada sebab mereka cenderung kepada pembangkang.

Mereka mesti beri sokongan penuh kepada kerajaan. Cuepacs dan pemimpinya komited untuk menjamin kakitangan kerajaan terus memberi sokongan penuh kepada kerajaan.

Kita akan turun padang untuk menjamin kedudukan itu. Ini sebagai balasan apa kerajaan buat selama empat tahun ini dan mereka lihat kerajaan begitu prihatin kepada kakitangannya.

Apakah kejayaan Cuepacs sepanjang tempoh berurusan dengan pentadbiran Dr Mahathir yang akan bersara Oktober ini?

Kita tidak dapat lupa bahawa Dr Mahathir menerima Cuepacs sebagai rakan kongsi secara bijak.

Kita diberi kedudukan sama seperti kerajaan dan majikan. Beliau mahu melihat kesatuan sekerja di Malaysia menjadi lebih bertanggungjawab dan tidak hanya jadi pendesak, sebaliknya menjadi penyokong kuat kepada negara ketika menghadapi cabaran.

Kejayaan Dr Mahathir bukan setakat membangunkan Malaysia tetapi menggerakkan kesatuan sekerja yang sihat.

Kita boleh lihat pada hari ini Cuepacs pada tahap yang tinggi kerana diberi kedudukan dan peluang duduk dalam banyak jawatankuasa kerajaan seperti MTEN, Mapen, NITC dan KWSP. Ini diperolehi kerana Perdana Menteri mahu kesatuan sekerja bukan setakat mendesak untuk naik gaji tetapi mempunyai tanggungjawab sosial.

Ini adalah kejayaan cemerlang beliau yang mahu melihat pergerakan kesatuan sekerja yang sihat di Malaysia. Ia adalah tanda yang cukup bagus kepada seorang pemimpin. Di negara lain, pemimpin negara akan cuba mematikan kesatuan sekerja tetapi Dr Mahathir dalam tempoh perkhidmatannya menghidupkan kesatuan sekerja.

Beliau sendiri memperuntukkan masa dengan kesatuan sekerja. Sebagai Presiden Cuepacs, saya boleh jumpa Perdana Menteri pada bila-bila masa. Ini tidak berlaku di negara lain. Mereka terkejut dan hairan apabila saya beritahu kalau kami ada masalah kami boleh jumpa dan rujuk Perdana Menteri.

Kesediaan beliau membuka pintu hubungan dengan kesatuan sekerja, makna beliau mengiktiraf kesatuan sekerja.

Apakah isu tertangguh yang akan diperjuangkan Cuepacs di bawah pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelak?

Kita melihat isu yang masih tertangguh ialah pengiktirafan kerajaan

untuk hak berunding secara tetap kerana kita percaya kerajaan mesti mengiktiraf Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kita juga melihat jurang perbezaan antara pekerja berpendapatan rendah dan tinggi yang harus dirapatkan lagi. Secara purata ketika ini gaji kakitangan kerajaan ialah RM750 termasuk elaun.

Matlamat Cuepacs kita terus perjuangkan ialah gaji minimum RM1,000 dan pencen minima RM500.

Namun, dalam usaha memperjuangkan paras gaji minimum ini, kita mahu memastikan harga barang tidak naik.

Tidak ada gunanya kalau gaji naik, pada masa sama, harga barang melambung. Ketika ini, kakitangan kerajaan perlu sedar, banyak barang yang dibeli disubsidikan oleh kerajaan seperti petrol dan beras.

Satu lagi kegagalan yang perlu diatasi ialah penubuhan Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Walaupun kerajaan menggalakkan MBJ tetapi hampir 40 peratus jabatan kerajaan belum menubuhkan MBJ.

Selain itu, kita lihat banyak kejayaan sudah dicapai dalam memenuhi kehendak kakitangan kerajaan. Sebenarnya, kadang-kadang kita ketandusan isu mahu dikemukakan kepada kerajaan.

Boleh jelaskan lebih lanjut mengenai isu MBJ?

Kerajaan menggalakkan penubuhan MBJ bagi membolehkan rundingan dijalankan antara kakitangan dan jabatan apabila timbul sebarang isu tanpa perlu berlarutan kepada mogok atau pendedahan menerusi media.

Masalahnya, sesetengah ketua jabatan enggan menubuhkan MBJ kerana tidak mahu berunding dengan kakitangan.

Kita melihat keengganan mereka kerana takut kepada bayang-bayang sendiri, sedangkan di banyak jabatan, MBJ berkesan sebagai saluran pendidikan kepada kakitangan.

JPA sudah mengeluarkan arahan tertentu supaya penubuhan MBJ diberi perhatian serius.

Cuepacs juga mencadangkan kepada JPA supaya dalam menimbang kenaikan pangkat pegawai tinggi, kegagalan mereka menubuhkan MBJ perlu menjadi sebahagian faktor pertimbangan untuk menjadikan usaha menubuhnya lebih berkesan.

Baru-baru ini, timbul isu rasuah di kalangan pegawai muda kakitangan kerajaan. Kenapa ini berlaku dan apa usaha Cuepacs memerangi gejala ini?

Saya percaya rasuah adalah penyakit yang teruk walaupun tidak begitu serius di negara ini, berbanding negara lain.

Dalam usaha membanteras rasuah, yang penting sekali ialah pendidikan dan pendirian agama yang tinggi kepada kakitangan kerajaan.

Bagi saya, gaji tinggi tidak wujud rasuah, tidak dapat selesaikan masalah, sebaliknya, kita perlu penguatkuasaan undang-undang dengan ketat.

Selain itu, jangan kekalkan seseorang di tempat yang sama untuk tempoh yang panjang, sebaliknya mereka dipindahkan selepas tiga atau lima tahun di tempat berkenaan.

Rasuah muncul daripada kehendak nafsu kepada wang dan kemewahan yang melampau berbanding keupayaan diri menyebabkan ia boleh merosakkan kakitangan kerajaan.

Walaupun tiada negara di dunia yang berupaya menghapuskan rasuah hingga tahap zero, namun kita menyokong ketegasan pendirian Timbalan Perdana Menteri yang mahu membasminya habis-habisan.

Apa usaha Cuepacs untuk bantu kerajaan?

Kita akan dedahkan mana-mana pegawai yang rasuah, kalau ahli ada maklumat dan laporkan kepada kita, kita akan laporkan kepada pihak berkuasa.

Kita juga memberi penerangan kepada kakitangan kerajaan mengenai kesan buruk jika mereka ditangkap kerana kesalahan rasuah termasuk kehilangan pencen dan sebagainya.

Kenapa banyak juga rungutan terhadap piagam pelanggan di jabatan kerajaan?

Keadaan itu berlaku kerana banyak pejabat kerajaan yang piagam pelanggan yang ada sekadar jadi hiasan.

Kedadaan ini berlaku kerana kakitangan terbabit kurang berpengetahuan terhadap tugas masing-masing, tidak membaca buku dan perintah am.

Apabila komputer down, mereka letak kenyataan sistem tergendala, mereka seronok, duduk tanpa beri layanan. Ini adalah satu kesilapan kakitangan kerajaan.

Mereka perlu sedar ahli masyarakat kini sensitif kepada mutu perkhidmatan dan hak mereka. Ada di kalangan pelanggan itu berpendidikan lebih tinggi berbanding petugas di kaunter kerajaan.

Berikutan itu, kualiti perkhidmatan itu perlu ditingkatkan. Mereka perlu sedar, gaji mereka dibayar oleh rakyat yang membayar cukai. Kita tengok ramai kakitangan yang masih belum memahami tanggungjawab masing-masing.

Satu lagi budaya yang saya tengok ialah kita terlalu banyak mesyuarat sehingga menyebabkan banyak masa terbuang.

Kita tengok banyak perkhidmatan kerajaan yang diswasta, mencatatkan perubahan dan kemajuan yang lebih baik. Setiap kakitangan mesti mengubah sikap, kita tetap bekerja kuat walaupun gaji kecil.